

WAN KAMAL MUJANI
NORANIZAH YUSUF

Islam dan Missionari di Sarawak: Kesan terhadap Pendidikan pada Zaman *Crown Colony, 1841-1941*

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menganalisis tentang kedudukan Islam pada zaman penguasaan *Crown Colony* (1841-1941) di Sarawak. Ia juga bermatlamat untuk membincangkan mengenai gerakan Missionari dan kesannya terhadap sistem pendidikan di negeri itu. Hasil penulisan mendapati bahawa sejak perlantikan James Brooke sebagai Gabenor, beliau telah berjaya meluaskan pengaruh politiknya dengan memecahkan kesatuan yang wujud di antara masyarakat Melayu dan penduduk peribumi. Zaman *Crown Colony* pula turut menyaksikan penularan elemen-elemen Barat yang negatif ke dalam kehidupan muda-mudi Muslim. Justeru itu, akhbar "Fajar Sarawak" dan Persatuan Melayu Sarawak telah berperanan sebagai "pejuang" untuk mengembalikan mereka kepada syiar Islam yang murni. Dalam masa yang sama, agama Kristian juga semakin berkembang lantaran dorongan dan pembiayaan yang diberikan oleh pihak pemerintah. Keadaan ini telah mendorong tokoh-tokoh ulama tempatan untuk menubuhkan sekolah-sekolah agama yang lebih menitikberatkan pengajian agama Islam bagi menyekat fahaman-fahaman yang bercanggah dengan agama Islam. Di samping itu, mereka turut membina sekolah-sekolah biasa yang menggabungkan ilmu-ilmu sekular kerana keperluan dan tuntutan semasa.

Kata-kata kunci: Islam, Missionari, Sarawak, pendidikan, *Crown Colony*, ulama tempatan, dan sekolah agama Islam.

PENGENALAN

Secara umumnya, penulisan ini cuba meninjau tentang kedudukan Islam dan gerakan Missionari di Sarawak serta impaknya terhadap aspek pendidikan di negeri itu pada zaman penguasaan *Crown Colony*. Hal ini begitu menarik untuk dikaji memandangkan Sarawak ketika itu diperintah oleh Rajah-rajah (Raja-raja) Putih yang berasal dari Eropah, iaitu James Brooke, Charles Brooke, dan Charles Vyner Brooke. Perbincangan dimulakan dengan sejarah campurtangan James Brooke ke atas Sarawak, kedudukan Islam pada zaman

Prof. Madya Dr. Wan Kamal Mujani adalah Pensyarah di Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia); dan Timbalan Pengarah di Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB) di UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. **Noranizah Yusof** adalah Pelajar Siswazah di Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) di Fakulti yang sama. Alamat emel mereka adalah: inawan@ukm.my

Crown Colony, Missionari, dan kesannya terhadap pendidikan di Sarawak, termasuklah pendidikan Islam pada zaman tersebut. Penulis mendapati bahawa campurtangan James Brooke ke atas Sarawak adalah disebabkan keadaan politik yang tidak stabil di negeri tersebut.

Sejak perantikannya sebagai Rajah Putih yang pertama, beliau telah berjaya melebarkan dominasinya ke atas masyarakat bumiputera dan pemimpin Melayu dengan menewaskan pemberontakan yang berlaku, di samping memecahbelahkan antara sesama mereka. Meskipun James Brooke dilarang untuk campurtangan dalam urusan yang berkaitan dengan adat-istiadat dan agama Islam tanpa kebenaran Sultan Brunei, namun ia telah dilakukan oleh beliau secara perlahan-lahan dengan undang-undang dan peraturan tertentu yang dibentuk bagi mengawal kehidupan masyarakat Islam. Tempoh penguasaan *Crown Colony* juga memperlihatkan unsur-unsur gaya hidup Barat yang mula meresapi masyarakat Islam di negeri itu. Oleh itu, muncul sebuah akhbar dan sebuah persatuan yang bertujuan menyedarkan mereka tentang hal tersebut.

Aktiviti Missionari juga semakin berkembang di Sarawak berikutan galakan dan sokongan yang diberikan oleh Brooke kepada misi-misi tersebut. Akibatnya, agama Kristian semakin berkembang di kalangan penduduk bumiputera dan memberi kesan terhadap pendidikan di negeri itu dengan kemunculan beberapa buah sekolah yang berorientasikan pendekatan Kristianisasi. Bagi Brooke pula, pengembangan agama Kristian dan sekolah-sekolah tersebut telah dapat mengukuhkan penguasaan politik dan pengaruhnya di Sarawak. Bagi menghadapi keadaan ini, masyarakat Islam di negeri itu mula mewujudkan pendidikan Islam secara lebih formal dengan menubuhkan beberapa buah sekolah dalam usaha mempertahankan jati diri Muslim di samping mengembangkan ilmu pengetahuan di kalangan orang Islam. Ini adalah penting memandangkan pendidikan merupakan alat yang sangat efektif dalam menghadapi gerakan Missionari yang semakin pesat pada waktu tersebut.

SEJARAH CAMPURTANGAN JAMES BROOKE KE ATAS SARAWAK

Sejarah kedatangan keluarga Brooke ke Sarawak bermula apabila Gabenor Singapura meminta pertolongan James Brooke untuk menyampaikan hadiah dan surat ucapan terima kasih Gabenor Singapura kepada Pangiran Muda Hashim kerana telah menghulurkan bantuan kepada kelasi-kelasi kapal milik Inggeris yang karam di Sungai Sarawak berhampiran Kuching. Kebetulan pada masa itu, James Brooke yang berada di Singapura sedang melakukan persiapan untuk belayar ke Pulau Borneo (Buyong Adil, 1981:13). Pada 27 Julai 1839, James Brooke bertolak meninggalkan Singapura dan akhirnya beliau sampai di kuala Sungai Sarawak di Santubong. Dari Santubong, James Brooke mudik ke Sungai Sarawak sehinggalah sampai ke Kuching pada 15 Ogos 1839 dan melabuhkan kapalnya berhadapan rumah Pangiran Muda Hashim.¹ Kemudiannya, James

¹Mengikut catatan yang buat oleh James Brooke, bandar Kuching pada masa itu hanyalah

Brooke telah berjumpa Pangiran Muda Hashim dan menyerahkan hadiah serta surat tersebut. Sejak pertemuan itu, James Brooke dikatakan telah bersahabat baik dengan Pangiran Muda Hashim (Buyong Adil, 1981:14-15).

James Brooke kemudiannya bertolak meninggalkan Sarawak pada 28 September 1839 dan meneruskan pelayarannya sehingga ke Sulawesi serta beberapa tempat lain. Pada 18 Ogos 1840, James Brooke dilaporkan telah belayar semula ke Sarawak dan pada waktu tersebut negeri itu berada dalam keadaan huru-hara akibat sikap Pangiran Mahkota yang dikatakan menindas penduduk Bidayuh, Cina, dan Melayu. Kezaliman dan penindasan yang dilakukan oleh Pangiran Mahkota menyebabkan berlakunya pemberontakan yang diketuai oleh Datu-datu Melayu tempatan, termasuklah Pangiran Usop. Situasi yang tidak terkawal ini menyebabkan Pangiran Muda Hashim terpaksa meminta pertolongan James Brooke untuk menamatkan pemberontakan tersebut dengan ganjaran beliau akan diberi kuasa dan kedudukan di Sarawak. Kenyataan ini terkandung dalam penulisan Robert Payne seperti berikut:

By agreement in the year of the Prophet one thousand two hundred and fifty-seven, at twelve o'clock on the thirtieth day of the month of Rejab, Prince Muda Hashim, son of the late Sultan Mohammed, with pure heart and high purpose, doth hereby transfer to the well-born James Brooke power over the country of Sarawak, together with all its dependencies, and present and future revenues [...]. He agrees to pay to the Sultan of Brunei one thousand Spanish dollars. He furthers undertakes to respect the laws and customs of the Malays of Sarawak, formerly subject to the Sultan of Brunei, Prince Muda Hashim and the Malay governors (Payne, 1991:46).

Selepas berjaya meredakan pemberontakan tersebut, James Brooke telah dilantik sebagai Residen Sarawak pada bulan Februari 1841 dengan beberapa syarat tertentu.² Namun begitu, beliau kemudiannya dikatakan tidak berpuas hati dengan kedudukannya di Sarawak, lalu mengugut Pangiran Muda Hashim. Melalui ugutan dan tekanan yang dibuat, maka Sultan Brunei akhirnya terpaksa menyerahkan Sarawak kepada James Brooke dan pada 24 September 1841, beliau dilantik secara rasmi sebagai Gabenor Sarawak (Mohd Zamro Muda & Zuliza Mohd Kusrin, 2003:506). Pada 31 Julai 1842 pula, Sultan Omar Ali Saifuddin II, iaitu Sultan yang memerintah Brunei ketika itu, telah melantik James Brooke sebagai Rajah Putih³ yang pertama di Sarawak apabila James Brooke bersetuju untuk membayar wang sejumlah £1,000 setiap tahun kepada Sultan Brunei. Dengan penyerahan tersebut, bermulalah era penjajahan Inggeris

merupakan sebuah kampung nelayan yang kecil dan tidak begitu maju. Penduduknya dianggarkan berjumlah sekitar 600-800 orang dan mereka yang berkuasa di situ adalah orang-orang besar dari Brunei yang diketuai oleh Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Mahkota.

²Antara syarat tersebut ialah James Brooke diminta untuk membayar ufti tahunan dengan sejumlah wang yang telah ditentukan kepada Sultan dan waris-warisnya. Beliau juga diminta supaya tidak mencampuri urusan keagamaan dan adat-istiadat penduduk tempatan, termasuklah negeri Sarawak tidak boleh dipindah milik kepada sesiapa pun tanpa kebenaran Sultan

³Istilah *Rajah* digunakan bagi membezakan raja-raja berkulit putih (orang Eropah) dengan raja-raja Melayu yang ada di alam Melayu ini.

di Sarawak dan James Brooke mempunyai kuasa mutlak yang kemudiannya diwarisi oleh kaum keluarganya. Robert Payne menyatakan semula seperti berikut:

In all history, only one man succeeded in coming from the West and making himself King over an Eastern race and founding a dynasty which lasted for a hundred years. This man debonair young Englishman called James Brooke, became the legend in his lifetime (Payne, 1960:14).

Pada peringkat awal, James Brooke hanya menguasai kawasan di sekitar Kuching sahaja, namun kemudiannya cuba berusaha untuk meluaskan tanah jajahannya. Pada tahun 1846, James Brooke berjaya menguasai Kuala Samarahan dan setelah itu pada tahun 1853, wilayah kekuasaannya berkembang hingga ke kawasan Sadong, Lingga, Skrang, Saribas, dan Sri Aman. Kemudiannya pada tahun 1861, kawasan pemerintahannya diperluaskan lagi dari Rajang hingga ke Bintulu.

Walau bagaimanapun, sejak peringkat awal penguasaannya, James Brooke telah menghadapi beberapa masalah dalam pemerintahannya. Antaranya ialah kedudukan beliau yang tidak kukuh selagi mana pemimpin-pemimpin Melayu dapat menguasai dan mempengaruhi orang-orang Dayak di Saribas dan Skrang. Dalam hal ini, Robert Payne telah pula menjelaskan bahawa:

His secret intention may have been destroy the last remnants of Malay power and to place himself in commands of the Dayaks and all the tribes which had hither to been under Malay domination (Payne, 1960:60).

James Brooke berpendapat bahawa sekiranya dominasi Melayu ke atas suku-suku bumiputera tidak dibendung, maka penentangan yang lebih kuat mungkin akan berlaku. Menurut maklumat-maklumat sejarah, penentangan awal terhadap James Brooke dilakukan oleh bangsa Melayu yang bersatu dengan Dayak Laut dan ini sememangnya menjadi bukti yang menunjukkan betapa rapatnya hubungan antara masyarakat Islam dan suku bumiputera lain yang masih pagan. Suku bumiputera tersebut dilaporkan amat menghormati orang Islam yang mereka lihat lebih maju berbanding kaum-kaum yang lain (Juanda Jaya, 2003:56).

Fakta ini diperkukuhkan lagi dengan penentangan yang telah dilakukan oleh beberapa tokoh pemimpin agama seperti Sharif Masahor, iaitu Gabenor Brunei bagi wilayah Sarikei (kawasan majoriti Melanau yang Rejang dan Mukah) dan Datu Patinggi Imam Haji Abdul Ghafur, iaitu Imam Masjid Besar Sarawak yang pertama. Dengan sokongan beberapa pemimpin lain, mereka telah mengadakan pakatan untuk melakukan pemberontakan secara serentak terhadap James Brooke di Kanowit, Sarikei, Lundu, dan Kuching. Peristiwa ini juga merupakan bukti bahawa penduduk Islam di Sarawak tidak boleh berdiam diri terhadap penjajahan James Brooke yang dianggap menjejaskan kedudukan orang Islam dan kegiatan dakwah mereka (Zulkiple Abdul Ghani & Juanda Jaya, 2003:639).

Penentangan terhadap James Brooke telah dirancang dan disusun dengan rapi. Dalam peristiwa penentangan di Kanowit, sekitar bulan Jun 1856, yang dilancarkan oleh orang Iban dari Kanowit dan Banyok yang bersahabat baik dengan Sharif Masahor, dua orang pegawai James Brooke iaitu Henry Steele dan Charles Fox telah dibunuh. Peristiwa tersebut amat membimbangkan James Brooke dan kumpulan Missionari yang mula datang ke Sarawak pada masa itu. James Brooke telah menuduh Sharif Masahor dan Datu Patinggi Imam Haji Abdul Ghafur sebagai dalang yang bertanggungjawab dalam kejadian tersebut (Zulkiple Abdul Ghani & Juanda Jaya, 2003:640). Sejak itu, James Brooke mula memainkan peranannya untuk memecahbelahkan kesatuan masyarakat tempatan melalui pelbagai taktik.

Penentangan berikutnya dilakukan pada tahun 1860, namun telah menemui kegagalan lantaran kurangnya sokongan di kalangan orang Melayu sendiri. Beberapa rahsia perancangan dan strategi serangan telah dibocorkan oleh sesetengah pemimpin Melayu kepada James Brooke. Malah sebahagian daripada tentera James Brooke yang menghadapi penentangan tersebut adalah terdiri daripada kalangan orang Melayu sendiri. Penentangan tersebut, yang dikenali dalam sejarah Sarawak sebagai *the Malay Plot*, bertujuan untuk mengusir James Brooke telah mengalami kegagalan akibat pengkhianatan dan perpecahan yang berlaku di kalangan orang Melayu sendiri.

Kegagalan penentangan tersebut merupakan lambang kejayaan James Brooke kerana beliau bukan sekadar berjaya memecahkan kesatuan di kalangan masyarakat Melayu dan Iban sahaja, bahkan kesatuan di kalangan orang Melayu itu sendiri berjaya dihancurkan. Kejayaan menewaskan Sharif Masahor dan Datu Patinggi Imam Haji Abdul Ghafur telah memberi peluang kepada James Brooke untuk menguasai perdagangan sagu di kawasan Rejang dan Sarikei pada masa itu. Bagi James Brooke, kekuatan masyarakat Islam dapat dilumpuhkan apabila kekuatan politik dan ekonomi mereka berjaya dimusnahkan. Akibat episod-episod penentangan tersebut, Datu Patinggi Imam Abdul Ghafur telah dibuang negeri sebanyak dua kali, iaitu ke Mekah dan Singapura; manakala Sharif Masahor pula dibuang negeri ke Singapura (Raslie Saharan, 1988:20). Kesedaran memperjuangkan tanah air daripada cengkaman penjajah membuktikan bahawa masyarakat Islam pada masa tersebut sudah mempunyai tahap kesedaran agama yang tinggi. Mereka merasa terpenggil untuk mempertahankan negara dan agama daripada dicemari oleh anasir-anasir luar yang boleh mencemarkan nilai-nilai Islam.

KEDUDUKAN ISLAM PADA ZAMAN *CROWN COLONY*

Setelah Sarawak diserahkan kepada James Brooke, urusan berkenaan agama Islam mula dicampuri oleh beliau secara perlahan-lahan, walaupun beliau sebenarnya dilarang untuk campurtangan dalam semua urusan yang berkaitan dengan adat dan agama penduduk tempatan tanpa kebenaran Sultan. Bagi tujuan tersebut, pada peringkat awal, James Brooke telah melantik beberapa orang pembesar Melayu untuk diserapkan ke dalam pentadbiran

negeri. Antaranya ialah Datu Patinggi Ali dan Temenggung Mersal. Jawatan *Datu Imam* pula dikekalkan bagi menjalankan urusan hal ehwal Islam yang berkaitan dengan masyarakat Islam (Suffian Mansor, 2003:557). Secara tidak langsung, keadaan ini membolehkan James Brooke mengawasi dan memantau setiap perkara yang berlaku yang berkaitan dengan agama Islam di negeri tersebut.

Pada tahun 1870, James Brooke dilaporkan telah menubuhkan *Native Mohammedan Probate and Divorce Court* bagi menguruskan hal-hal perkahwinan, perceraian, dan kematian di kalangan masyarakat Islam Sarawak. Di samping itu, jawatan *Datu Hakim* telah diwujudkan bagi mengendalikan undang-undang yang berkaitan dengan kes-kes kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian, pembahagian atau pewarisan harta, dan sebagainya (Suffian Mansor, 2003:557). James Brooke juga telah menggubal satu undang-undang ringkas hukuman bagi kesalahan-kesalahan tertentu seperti membunuh, mengganggu ketenteraman awam, termasuklah undang-undang perdagangan bebas, cukai, timbangan, dan sukatan.

Pada sekitar tahun 1860-an, apabila keadaan pemerintahan James Brooke mulai stabil, beliau telah menggubal undang-undang bertulis yang dinamakan “Perintah” yang dikatakan mengambil kira perbezaan kaum dan agama di Sarawak bagi mengawal hubungan antara pelbagai masyarakat serta komuniti di negeri tersebut. “Perintah” yang khusus bagi orang Islam menunjukkan bahawa pertimbangan diberikan kepada adat dan keadaan tempatan serta tidak mengamalkan perundangan Islam yang disifatkan James Brooke sebagai klasik dan ketat. Sebanyak 5 kali “Perintah” berkaitan dengan orang Islam telah dikeluarkan, iaitu pada tahun 1878 (berkaitan dengan pengambilan anak angkat), tahun 1893 (mengenai perkahwinan orang luar dengan wanita tempatan dan poligami), tahun 1896 (tentang undang-undang wasiat orang Islam), tahun 1898 (berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan dan perceraian), dan tahun 1890 (senarai hukuman dan denda yang dikenakan bagi mereka yang melanggar “Perintah”) (Zaini Nasohah, 2003:612).

Polisi James Brooke yang menjadikan Kuching sebagai pusat pentadbiran kerajaan telah menyebabkan ramai penduduk Melayu yang beragama Islam berpindah ke Kuching. Oleh yang demikian, masyarakat Islam di situ mula merasakan perlunya sebuah masjid yang besar dan luas di kalangan mereka. Mereka juga dilaporkan telah berusaha keras ke arah mencapai impian tersebut. Antaranya ialah usaha yang digerakkan oleh Datu Bandar Haji Muhammad Lana yang telah bersungguh-sungguh mengumpul dana serta biaya bagi menampung kos perbelanjaan membina masjid tersebut. Berkat kesabaran dan keringat yang dicurahkan, maka pada tahun 1852, sebuah masjid baru yang diberi nama Masjid Besar akhirnya dapat juga dibina di Kuching (Suffian Mansor, 2003:558).

Setelah kematian James Brooke, pemerintahan Sarawak dipegang pula oleh Charles Brooke. Pada zaman pemerintahannya, beliau juga dilarang untuk masuk campur dalam perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu,

umat Islam Sarawak dapat mengerjakan ibadah dan tuntutan agama Islam. Sebagai contoh, apabila tiba musim haji, sebilangan masyarakat Islam Sarawak berpeluang mengerjakan rukun Islam yang kelima tersebut. Mereka dilaporkan menaiki kapal laut untuk mengerjakan haji di Mekah. Menurut sumber sejarah, pada tahun 1911, seramai 235 orang Islam dari Sarawak telah menunaikan fardhu haji. Walau bagaimanapun, ibadah umat Islam mengerjakan haji ini telah dikritik oleh pegawai Brooke, iaitu H.L. Owen, kerana menurutnya perbuatan mengerjakan haji di Mekah telah menyebabkan orang Islam mempunyai hutang dan terpaksa menjual harta-harta lain kepunyaan mereka (Suffian Mansor, 2003:557). Dalam hal ini, dapat dinyatakan bahawa pihak penjajah tidak memahami konsep ibadah haji yang sebenar dalam Rukun Islam yang sememangnya memerlukan sedikit pengorbanan. Ia bukanlah paksaan ke atas masyarakat Islam untuk melaksanakannya setiap tahun, dan peluang yang ada untuk menunaikannya haruslah digunakan sebaik mungkin semasa masih sihat dan ketika kedudukan kewangan tidak begitu menyempitkan. Pun begitu, tidak terdapat satu laporan pun yang menyatakan bahawa mereka yang mengerjakan haji tersebut telah hidup melarat kerana menanggung hutang.

Bagi mengawasi harta benda masyarakat Muslim, Charles Brooke telah menggubal satu undang-undang, iaitu Ordinan Wasiat Islam pada tahun 1896, untuk mengawal segala urusan wasiat yang dibuat oleh orang Islam. Ordinan tersebut menyatakan bahawa wasiat yang dibuat hendaklah menggunakan borang yang telah disediakan dan disaksikan oleh tiga orang saksi. Dua orang daripada mereka adalah ketua anak negeri yang beragama Islam dan seorang pegawai kerajaan. Walau bagaimanapun, mereka boleh membuat wasiat di hadapan saksi-saksi lain menurut undang-undang warisan Islam dan boleh diiktiraf sah. Namun demikian, undang-undang tersebut juga memperuntukkan bahawa wasiat boleh dibuat berdasarkan kemahuan dan kehendak pewasiat dan tidak semestinya dibuat menurut undang-undang warisan Islam (Mohd Zamro Muda & Zuliza Mohd Kusrin, 2003:521).

Bagi memantapkan Islam di Sarawak, masyarakat Muslim di negeri itu sendiri telah menubuhkan sebuah persatuan Islam yang diberi nama Darul Ihsan pada tahun 1914 dan setahun kemudian muncul pula Persatuan Darul Ikhwan. Kedua-dua pertubuhan tersebut dilaporkan mempunyai ciri-ciri pengaruh dari Timur Tengah (Ismail Ab Rahman ed., 1992). Walau bagaimanapun, aktiviti kedua-dua persatuan ini tidak banyak diketahui umum. Di samping itu, bagi memudahkan pihak pemerintah "memerhati" kegiatan dan aktiviti masyarakat Islam Sarawak, maka sebuah institusi yang dikenali sebagai *Balai Datu* telah ditubuhkan. Ia dijadikan sebagai pusat pertemuan Datu-datu Melayu dan markaz untuk membincangkan tentang hal ehwal orang Islam. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai mahkamah bagi mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam. Oleh yang demikian, mulai tahun 1915 satu undang-undang bertulis telah dibentuk bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan pewarisan harta, perceraian, perkahwinan, pertelingkahan kecil, dan penderaan (Suffian Mansor, 2003:559).

Sebenarnya, sebelum undang-undang ini dibentuk terdapat beberapa peraturan yang berkaitan dengan masyarakat Islam yang telah diluluskan dalam *Supreme Council* pada tahun 1878, 1893, 1896, 1898, dan 1910 (Habid's Buhigiba Md Bustaman, 1995:126). Undang-undang tersebut mengandungi 67 seksyen yang dinamakan sebagai Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UUMS). Undang-undang ini memberi peruntukan tentang pertunangan, perkahwinan, perceraian, perselisihan faham suami isteri, nafkah anak, hak jagaan anak, dan salah laku seksual. Dari segi bentuk, undang-undang ini merupakan senarai denda atau penalti yang dikenakan dalam bentuk matawang bagi setiap kesalahan yang dilakukan (Zaini Nasohah, 2003:613).

Kewujudan UUMS lebih merupakan satu bentuk penyelarasan undang-undang adat yang digunakan oleh masyarakat Melayu Islam kerana taburan masyarakat Islam yang berselerak di sepanjang pantai Sarawak. Pada masa tersebut, adat memainkan peranan yang cukup penting dalam masyarakat sebelum wujudnya sistem perundangan yang lebih berbentuk formal (Putit Matzen, 2003:724). Menurut Dona Babel (1989:255), keadaan ini wujud disebabkan oleh tiga faktor utama, iaitu unsur-unsur kepercayaan lama masyarakat Melayu yang begitu kukuh, konsep menjaga nama (kehormatan), dan konsep "adab bahasa".

Akhir pemerintahan Brooke iaitu pada zaman pemerintahan Charles Vyner Brooke, jawatan mufti telah diwujudkan di Sarawak dan mufti pertama yang dilantik ialah Haji Nawawi bin Haji Merais. Walau bagaimanapun, mufti yang dilantik ini tidak mempunyai ahli jawatankuasa untuk membantunya mengendalikan urusan-urusan yang berkaitan dengan masyarakat Islam. Hakikatnya, pewujudan jawatan ini oleh Charles Vyner Brooke adalah sebagai salah satu cara untuk mengawal kuasa orang Melayu di samping cuba "menunjukkan" bahawa pihak pemerintah mengambil berat tentang kedudukan orang Melayu (Sanib Said, 1985:18).

Pada sepanjang pemerintahan Brooke, pergaulan dan cara hidup segelintir masyarakat Melayu Islam mula diresapi oleh unsur-unsur Barat. Hal ini membimbangkan sebahagian masyarakat Islam yang lain. Sebagai contoh, pada sekitar tahun 1920-an telah muncul persatuan-persatuan yang bercorak hiburan seperti Kampung Tanjung Kesenangan Club (1926), Sarawak Malay Tennis Club (1929), Sinjan Music Club, dan Surabaya Jolly Minstrels (Zulkiple Abdul Gani & Juanda Jaya, 2003:643). Antara yang dikritik hebat oleh orang-orang Melayu adalah majlis joget yang berlarutan hingga ke larut malam, seperti yang dicatatkan dalam *Sarawak Gazette* bertarikh 2 Disember 1935:

[...] with those drum, the lady singers strike behind the curtains, singing beautiful songs; in front, the youngsters will jump and step dance in any direction they desire, and the chance of the two dancers is simultaneous [...] in conclusion, last in earnest that home folks should take steps to limit these dancers, as they lead to ruination, and whosoever craves for their continuation only invites more practical troubles and nuisance (*Sarawak Gazette*, 2/12/1935).

Di samping itu, perubahan dalam cara berpakaian di kalangan masyarakat Islam Sarawak turut berlaku. Fenomena ini tercatat dalam *Sarawak Gazette* pada tarikh yang sama:

During the last few years, the traditional dress of the Malay appears largely to have given way to gaudy neckties, blazers and bell bottom trousers. This seems a pity. Visitors from Malaya where national dress is far more generally worn that it is here cannot fail to be unfavourably impressed and it seems Government might take the lead by insisting on all Malay costumes in the office (dalam Sanib Said, t.th.:185).

Kesedaran sebilangan orang Melayu tentang peri pentingnya menghayati ajaran Islam menyebabkan mereka mula menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap pihak penjajah dan budaya Barat yang menular di kalangan masyarakat Islam. Ini dihangatkan lagi dengan isu kedudukan orang Melayu yang seringkali dikaitkan dengan masalah kemunduran, terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Hal ini telah mendorong pemikir-pemikir Melayu untuk menyuarakan pendapat mereka, sekaligus menyedarkan mereka tentang betapa pentingnya kemajuan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, mereka telah menerbitkan akhbar yang bukan sahaja berperanan sebagai penyampai berita tetapi juga sebagai wadah untuk menyebarkan pengetahuan Islam. Akhbar tersebut ialah *Fajar Sarawak*,⁴ iaitu sebuah akhbar berbahasa Melayu yang buat pertama kalinya diterbitkan pada 1 Febuari 1930 oleh Sarawak Printing Company⁵ (Habid's Buhigiba Md Bustamam, 1995:36).

Fajar Sarawak dilancarkan untuk memberi kesedaran di kalangan masyarakat Islam supaya memberi perhatian terhadap kedudukan politik dan ekonomi mereka, di samping memupuk semangat perpaduan di kalangan orang Melayu itu sendiri. Para penulis dalam akhbar itu berpendapat bahawa perkara asas yang perlu dilaksanakan ialah berpegang teguh kepada ajaran Islam, kerana dengan cara ini barulah orang-orang Melayu dapat mengubah sikap mereka untuk mencapai kemajuan (Md Amin Abdul Rahman, 2003:440). Selain itu, akhbar ini juga menjadi saluran dalam membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan Islam. Antara rencana-rencana yang telah dimuatkan dalam akhbar ini

⁴Penerbitan akhbar ini adalah hasil usaha Muhammad Rakawi Yusuf. Beliau banyak menyumbangkan idea yang cukup bernas dalam akhbar ini. Selain bergiat dalam penulisan *Fajar Sarawak*, beliau juga telah menghasilkan beberapa karya yang lain seperti *Hikayat Sarawak* dan novel *Melati Sarawak* yang diterbitkan pada tahun 1932. Melalui *Melati Sarawak*, beliau memaparkan masalah gejala sosial yang menimpa masyarakat Islam. Beliau juga mengkritik "institusi bergendang" yang pada pandangannya merosakkan moral anak muda. Dalam novel ini juga ditampilkan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan di kalangan masyarakat Islam. Di samping itu, buku *Hikayat Sarawak* juga menurus kepada isu dan persoalan yang sama. Dalam buku tersebut dimuatkan beberapa puisi berunsur keagamaan dan kritikan terhadap golongan anak muda yang suka meniru cara berpakaian dan kelakuan orang Barat.

⁵Sarawak Printing Company adalah sebuah syarikat kepunyaan Haji Abdul Rahman, seorang peniaga berketurunan Minangkabau. Selain memiliki syarikat percetakan tersebut, beliau juga mempunyai sebuah kedai buku Melayu yang terkenal di Kuching yang menjual buku-buku, akhbar-akhbar, dan majalah-majalah terbitan luar negeri. Lihat Philip Lee Thomas (1984:xv).

ialah: “Hikmat dan Rahsia Puasa”, “Dari Hal Agama Islam”, dan “Kewajipan Kita Selaku Manusia” (Suffian Mansor, 2003:560). Dalam masa yang sama, perdebatan mengenai peranan agama dalam kehidupan harian masyarakat Islam serta langkah-langkah pemulihan atau pembaharuan turut diutarakan. Misalnya, terdapat tulisan mengenai beberapa orang Datu yang telah mempelopori gerakan tertentu bagi mengurangkan belanja mengurus mayat dan biaya kenduri perkahwinan (Md Amin Abdul Rahman, 2003:440).

Dalam pada itu, *Fajar Sarawak* juga menyiarkan berita-berita semasa yang berlaku di negara-negara Islam yang lain seperti di Afghanistan, Iran, Turki, dan negara-negara di Timur Tengah. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa semasa dari Tanah Melayu, Singapura, jajahan Hindia Timur Belanda, termasuk Brunei atau Borneo Utara kelihatan agak kurang dipaparkan, walaupun kedudukan geografinya tidak jauh dari Sarawak (Lee Thomas, 1984:xvii). *Fajar Sarawak* didapati lebih mengutamakan berita-berita tentang keadaan semasa yang berlaku di negara-negara Islam yang terkenal seperti Mesir dan Turki yang banyak mempengaruhi pemikiran tokoh-tokoh nasionalisme di Tanah Melayu. Hasil daripada idea dan pemikiran yang dimuatkan dalam akhbar ini, terutamanya dari sudut pendidikan, telah mencetuskan penubuhan beberapa buah sekolah seperti Sekolah Merpati Jepang, Sekolah Encik Buyong, dan Sekolah Permaisuri sekitar tahun 1930 hingga 1931 (Sabihah Osman, 1990:56).

Bertitik-tolak daripada idea-idea dalam *Fajar Sarawak* ini jugalah orang Islam, khususnya masyarakat Melayu, mula menunjukkan perubahan yang positif dengan penubuhan Persatuan Melayu Sarawak (PMS) pada tahun 1939. Walaupun perjuangan PMS lebih tertumpu kepada meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu, namun aspek “memelihara, menjaga, dan meluaskan syiar Islam” tidak diketepikan kerana ia juga adalah salah satu daripada objektif penubuhan PMS (Suffian Mansor, 2003:560). Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh PMS ialah menubuhkan sebuah sekolah agama di Masjid India. Ahli-ahli PMS juga telah cuba untuk mendapatkan sokongan orang Melayu agar sekolah tersebut dapat didirikan bagi memberi peluang kepada anak-anak Melayu mendapat pendidikan Islam sebagaimana yang diperolehi kanak-kanak Muslim India.

Berdasarkan keterangan di atas, dapat dilihat bahawa meskipun pemerintah-pemerintah Brooke ada menunjukkan sikap terbuka terhadap agama Islam di Sarawak, namun dalam masa yang sama mereka telah mencampuri hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam di negeri itu secara tidak langsung dan secara perlahan-lahan. Mereka berusaha “mengawal” masyarakat Islam di Sarawak melalui pembentukan dan penguatkuasaan pelbagai undang-undang serta melalui penubuhan badan-badan tertentu. Kehadiran penjajah British itu juga telah membawa budaya-budaya Barat yang negatif yang akhirnya mempengaruhi masyarakat muda Islam.

Di samping itu, dasar baru dalam hubungan etnik di Sarawak turut dilaksanakan di mana James Brooke dilaporkan telah cuba memisahkan

hubungan di antara kaum Melayu, terutamanya golongan Sharif dengan penduduk peribumi, kerana beliau beranggapan bahawa hubungan tersebut akan memberi ancaman kepada kedudukannya di Sarawak (Hashim Fauzi Yaacob, 1983:40). Penyisihan golongan Sharif ini sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap dakwah Islam di negeri itu. Hal ini menyebabkan longgarnya komitmen masyarakat Islam Sarawak terhadap ajaran Islam, apatah lagi dengan situasi mereka yang baru sahaja mengalami zaman peralihan daripada anutan animisme kepada Islam (Md Amin Abdul Rahman, 2003:439). Begitu juga dengan pengganti James Brooke, iaitu Charles Brooke dan Charles Vyner Brooke, yang dilaporkan mengambil pendekatan yang sama dengan James Brooke dan “cuba” menunjukkan sifat terbuka mereka terhadap agama Islam.

MISSIONARI DAN KESANNYA TERHADAP PENDIDIKAN DI SARAWAK

Mengikut sumber sejarah, agama Kristian telah wujud di Sarawak pada abad ke-14 lagi setelah ia diperkenalkan oleh seorang pengembara bernama Odorio of Pardone. Walau bagaimanapun, fakta ini tidak kuat kerana tidak terdapat bukti dan kesan-kesan yang jelas yang ditinggalkan oleh Odorio di tempat-tempat yang dilawatinya. Namun, ahli-ahli sejarah telah mengakui bahawa Odorio pernah membuat lawatan ke sebuah kawasan di sebelah pantai barat laut Pulau Borneo dan tiba di Mukah pada tahun 1322 (David, 1985:99). Selain itu, maklumat sejarah juga ada merakamkan bahawa pada sekitar tahun 1550, terdapat satu misi pelayaran orang-orang Portugis yang diketuai oleh Paderi Frier Francissco das Chagas yang telah mengunjungi beberapa buah pulau di rantau ini, yang mereka kenali sebagai Timor, Sotor, Japara, Daru, Parem, Borneo, dan sebagainya (Bilcher Bala, 1994:99). Walaupun demikian, gerakan-gerakan missionari pada zaman awal ini tidak berjaya mencapai tujuan dan matlamatnya. Perkembangan agama Kristian hanyalah belangsung dengan ketara dalam abad ke-17. Hal ini pernah dinyatakan oleh Paderi Pereira, salah seorang missionari Roman Katolik dalam abad ke-17, yang menyebut bahawa:

All the evil comes from lackes of laborers, by reason of which the great Islands of Borneo [...] is not wholly converted to the faith, the Islands being half Moslem, half Pagan and well affected to the gospel (Rooney, 1981:7).

Umum mengetahui bahawa penjajahan negara-negara di Timur oleh kuasa-kuasa Barat bukan sahaja bertujuan untuk mengaut kekayaan sumber ekonomi serta meluaskan wilayah kekuasaan politik semata-mata, malah ia juga bermatlamat untuk menyediakan tapak bagi aktiviti para missionari Kristian mereka. Ini bersesuaian dengan ideologi kolonial Barat yang didasari oleh konsep 3G yang bermaksud *Glory* (politik), *Gospel* (agama), dan *Gold* (ekonomi). Di Sarawak, situasi yang sama juga berlaku di mana kolonialisme

Brooke ke atas Sarawak telah memberi kesan terhadap gerakan dakwah Islam di Sarawak. Walaupun Brooke ada menunjukkan sikap terbuka terhadap penganut agama Islam di Sarawak, tetapi dasar mereka yang membuka seluas-luasnya pintu kepada gerakan Kristianisasi di Sarawak menyebabkan proses Islamisasi mengalami kerencatan, khususnya di kalangan penduduk bumiputera. Gerakan Kristianisasi telah menjadi cabaran yang cukup besar terhadap perkembangan agama Islam di Sarawak kerana mendapat galakan dan sokongan daripada golongan pemerintah.

Kecenderungan pemerintah-pemerintah Brooke terhadap gerakan missionari di Sarawak mengundang kemasukan pelbagai mazhab Kristian di negeri itu. Antara mazhab Kristian yang berkembang pada zaman pemerintahan Brooke ialah Anglican, Roman Katolik, Methodist, Seventh Day Adventists, dan Borneo Evangelical Mission. Missionari-missionari ini menyebarkan ideologi mereka dengan menyediakan sekolah-sekolah, hospital, gereja, dan seumpamanya. Gerakan-gerakan ini merupakan masalah yang terpaksa dihadapi oleh tokoh-tokoh Islam di Sarawak kerana ia dilaksanakan dengan terancang dan mendapat kerjasama daripada pertubuhan Kristian antarabangsa. Sokongan dan galakan yang telah diberikan oleh Brooke juga menyebabkan gerakan ini berkembang dengan rancak. Kesanggupan mubaligh-mubaligh Kristian berdakwah sehingga ke kawasan-kawasan pedalaman dengan memberi bantuan-bantuan dan menjalankan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat turut menyumbang kepada kepesatan gerakan ini di Sarawak.

Menurut John Rooney (1981:7), dalam sebuah perhimpunan awam pada tahun 1847 di England, James Brooke dikatakan telah mengambil kesempatan menyeru missionari-missionari Kristian agar datang ke Sarawak. Dalam masa yang sama, beliau juga menzahirkan hasratnya untuk menubuhkan *Church of England* di negeri tersebut (Putit Matzen, 2003:722). Malah, James Brooke turut dilaporkan akan memberi jaminan kerjasama dan kawalan keselamatan sepenuhnya kepada kumpulan missionari yang akan dihantar ke Sarawak. Sebenarnya, faktor utama yang mendorong James Brooke untuk menggalakkan kemasukan kumpulan missionari ke Sarawak adalah berkait rapat dengan dasar politik beliau di negeri tersebut. James Brooke beranggapan bahawa kedatangan para mubaligh tersebut akan mengukuhkan kedudukan politiknya yang masih digugat oleh para pembesar Brunei dan tempatan seperti Pangiran Mahkota, Sharif Masahor, dan Rentap. Kedua ialah beliau berpendapat bahawa para mubaligh itu akan membantunya dalam usaha “mentamadunkan” penduduk-penduduk di Sarawak, terutamanya golongan Dayak (Sabihah Osman, 1990:81-82).⁶

⁶Pada masa tersebut, kegiatan “memburu” kepala manusia amat berleluasa di Sarawak. Bagi masyarakat Dayak, aktiviti tersebut merupakan tradisi kemegahan mereka yang mempunyai tiga fungsi utama. *Pertama*, bagi mengakhiri masa berkabung di mana satu kepala manusia diperlukan. *Kedua*, kebolehan dan keupayaan kegiatan memotong kepala manusia dianggap penting dalam menentukan nilai-nilai kepahlawanan serta kemegahan seseorang pemuda. *Ketiga*, kepala manusia dijadikan mas kahwin yang harus dihantar oleh seseorang pemuda yang hendak

Oleh yang demikian, bertitik tolak daripada perhimpunan tersebut, maka sekumpulan mubaligh Kristian dari Gereja Aglican England telah berangkat ke Sarawak. Gerakan mereka dikenali sebagai *Borneo Church Mission* (BCM) dan mendapat penajaan daripada pertubuhan agama Kristian di England, iaitu *Church Missionary Society* (CMS). Gerakan tersebut diketuai oleh Franciss T. Macdougall, seorang doktor perubatan berbangsa Irish dan dibantu oleh William Bodham Wright bersama keluarga mereka. Setibanya di Sarawak, Franciss T. Macdougall telah memulakan tugasnya membina gereja, sekolah, dan dispensari. Beliau dikatakan orang pertama yang telah membuka sekolah bagi anak-anak Melayu untuk belajar. Sejak kedatangannya, aktiviti missionari mula berkembang di negeri Sarawak.

Pada tahun 1851, Franciss T. MacDougall telah mencadangkan tanggungjawab BCM diserahkan kepada pertubuhan *Society for the Propagation of the Gospel* (SPG) kerana masalah kewangan yang dihadapi yang menjejaskan gerakan missionari. Lantaran itu, antara aktiviti yang cuba dilaksanakan oleh gerakan SPG ialah mengkristiankan orang Melayu. Usaha awal yang dilakukan adalah dengan membawa Melayu Kristian dari Singapura bagi menyebarkan ajaran agama itu di kalangan umat Islam di Sarawak. Walau bagaimanapun, usaha itu tidak berjaya kerana ditentang oleh para pembesar dan masyarakat Islam di Sarawak (Sabihah Osman, 1990:82). Oleh yang demikian, pertubuhan itu mula menjadikan penduduk bumiputera dan Cina sebagai sasaran mereka (Suffian Mansor, 2003:562). SPG dilaporkan mula menumpukan usaha penyebaran agama Kristian di Lundu, Kuap, Banting, dan Kalaka. Aktiviti mereka termasuklah membina gereja, sekolah, dan lain-lain prasarana untuk penduduk di kawasan pedalaman. Walaupun misi Kristianisasi orang Melayu tidak berhasil, tetapi kumpulan missionari tidak berputus asa dan mereka tetap meneruskan misi tersebut dengan cara yang lebih halus, iaitu melalui pembukaan sekolah-sekolah untuk anak-anak Melayu dan penyebaran buku panduan agama Kristian dalam versi bahasa Melayu (Nothcoff, 1992:48).

Aktiviti-aktiviti kumpulan missionari dalam mengkristiankan penduduk-penduduk di Sarawak akhirnya menampakkan beberapa kejayaan. Antaranya, menurut Craig Allan Lockard (1973:40), pada tahun 1887, seramai 3,480 orang telah berjaya dikristiankan. Perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa Brooke telah menggalakkan usaha pengembangan agama Kristian dan para missionari diberikan laluan mudah untuk bergerak mengkristiankan orang Iban dan Bidayuh di sekitar Kuching, Sri Aman, dan lain-lain tempat di Sarawak.

Franciss T. MacDougall dilaporkan telah menggunakan kesempatan dan kemahirannya yang ada untuk menjalankan missinya. Di samping menubuhkan sekolah untuk anak-anak Melayu di Kuching, beliau juga telah mengambil anak angkat, membina rumah anak yatim untuk kaum Bidayuh dan Cina, membina klinik perubatan, serta mendirikan Gereja St. Thomas.

berkahwin di mana lamaran si pemuda hanya akan diterima oleh si gadis jika pemuda tersebut dapat memberinya satu kepala manusia.

Usaha penat lelah Franciss T. MacDougall akhirnya berbaloi apabila gereja yang dibinanya itu diberi pengiktirafan sebagai *Chatedral*. Antara usaha lain yang dilakukan oleh Franciss T. Macdougall dalam melaksanakan missinya ialah beliau banyak menghabiskan masa di kawasan-kawasan pedalaman bagi bergaul dan menyebarkan agama Kristian kepada orang Iban dan Bidayuh (Juanda Jaya, 2003:64). Untuk meningkatkan keberkesanan dalam gerakannya, Franciss T. Macdougall cuba menyesuaikan dirinya dengan budaya, adat dan bahasa tempatan. Beliau juga banyak memainkan peranan sebagai pendamai dalam pergaduhan yang berlaku di antara penduduk tempatan dengan orang Eropah di Sarawak. Hal ini telah menaikkan imejnya di mata penduduk tempatan dan beliau amat disegani oleh mereka.

Pada tahun 1858, iaitu setelah sepuluh tahun Franciss T. MacDougall menjalankan kegiatan missionari di Sarawak, pihak penaja England telah menghadihkannya sebuah kapal yang bernama *Sarawak Cross* sebagai membalas jasa beliau dalam mengembangkan agama Kristian dan untuk memudahkan lagi usaha-usaha missionari ke kawasan-kawasan lain di pedalaman. Dengan meluasnya aktiviti missionari pada masa itu, maka para mubaligh berpendapat bahawa perlunya diadakan satu perbincangan dan mesyuarat bagi menyelaraskan perancangan di antara paderi-paderi. Melalui mesyuarat paderi-paderi (*synod*) yang diadakan pada tahun 1864 dan 1865, mereka telah bersetuju untuk menerbitkan *Book of Common Prayer* dalam bahasa Melayu, Cina, dan Bidayuh (Juanda Jaya, 2003:64).

Missi Anglican tersebut merupakan satu-satunya badan tunggal yang telah menjalankan kegiatan missionari secara berterusan selama 33 tahun (Putit Matzen, 2003:723). Setelah persaraan Franciss T. MacDougall pada tahun 1869, aktiviti mengembangkan agama Kristian diteruskan oleh paderi-paderi lain seperti Walter Chambers (1870-1881), Federick Hose (1881-1907), Robert Monsey (1909-1917), Logie Densen (1917-1932), Noel Rudson (1932-1937), Franciss Hollis (1938-1948), dan Nigel Cornwall (1949) (Hashim Fauzi Yaacob, 1983:45).

Pada masa pemerintahan Charles Brooke, pemimpin ini juga telah mengalu-alukan kedatangan missonari ke Sarawak. Menurut N. Criswell Coolin seperti berikut:

With regard to missionary activity, Rajah Charles, as in most matters, accepted his uncle's basic attitude. Missionaries were welcome to work among the pagans but were to make no attempt to proselytize among the Muslims, as they might thereby endanger the relationship which had been established between the Brookes and the Malay chiefs (Coolin, 1978:141).

Charles Brooke dilaporkan telah menjemput missionari Roman Katolik pada tahun 1881 bagi menjalankan missi mereka. Jemputan ini diajukan kepada pertubuhan Roman Katolik di London yang diketuai oleh Bishop Vaughan. Ketidakupayaan missionari Anglican menjalankan misi mereka ke Rejang dan

Kanowit telah mendorong Charles Brooke menganggap misi Anglikan gagal melaksanakan misi mereka di Sarawak (Juanda Jaya, 2003:65). Berkemungkinan juga Charles Brooke telah melihat betapa besarnya sumbangan para missionari dalam mengukuhkan kekuasaan Brooke di Sarawak lalu beliau mengajukan jempunan tersebut. Oleh itu, bagi meningkatkan usaha penyebaran agama Kristian, persaingan dalam operasi antara pelbagai aliran dalam Kristian perlu diwujudkan. Hal ini jelas kelihatan kerana misi Roman Katolik yang dijemput itu adalah tidak sehaluan dengan aliran Anglikan yang merupakan mazhab anutan keluarga Brooke sendiri. Menurut John Rooney (1981:28), empat orang perintis bagi misi Roman Katolik di Sarawak ialah Father Edmund Dunn, Father Aloysius Goossens, Father Kilty, dan Reverend Thomas Jackson sebagai ketua. Kesemuanya telah dipilih dan dihantar oleh St. Joseph's Society for Foreign Mission. Mereka telah tiba di Kuching pada 10 Julai 1881 dan berjaya mengasaskan gereja pertama di Kanowit pada 23 Oktober 1887.

Dalam gerakan missionari Roman Katolik di Sarawak, Father Edmund Dunn merupakan tokoh yang terkenal dan hanya berusia 24 tahun ketika sampai di Sarawak. Father Edmund Dunn telah berjaya menubuhkan pusat penyebaran Kristian yang berupa sekolah dan gereja di Lembah Rejang seperti Sarikei, Kapit, Kanowit, Pulau Nudong, Sungai Poi, Sungai Bawan, dan Tuah Jee (Juanda Jaya, 2003:67). Untuk mengukuhkan missinya, Father Edmund Dunn telah berusaha menguasai bahasa Iban serta memahami adat resam mereka secara mendalam dan akhirnya beliau berjaya dalam usahanya tersebut. Pengetahuan Father Edmund Dunn dalam bidang pertanian juga telah memantapkan lagi pengaruh beliau di kalangan orang Iban setelah nasihat dan tunjuk ajar beliau dalam bidang pertanian mendatangkan hasil yang lumayan kepada masyarakat tempatan (Cooper, 1968:75).

Setelah melakarkan banyak kejayaan dalam missinya di pedalaman, maka pada tahun 1897, Father Edmund Dunn diarahkan untuk berpindah ke Kuching dan dilantik sebagai *Prefect Apostolic* bagi Sarawak, Brunei, Labuan, dan Borneo Utara serta dianugerahkan gelaran *Monseigneur*. Pada sepanjang missinya, Father Edmund Dunn telah berjaya mengasaskan beberapa buah sekolah, antaranya Sekolah Missionari Roman Katolik di Bau, Sekolah Sacred Heart di Sibul, Sekolah Perempuan St. Theresa, dan Sekolah Lelaki St. Joseph di Kuching. Pada tahun 1904, Charles Brooke telah menulis surat kepada Father Edmund Dunn dan memberitahunya bahawa beliau telah mendapat jaminan daripada para pemimpin Islam di Oya, iaitu mereka tidak akan membantah misi Kristian di Mukah dan Dalat. Hal ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa pemerintah Brooke turut memainkan peranan penting bagi menyokong usaha Kristianisasi di Sarawak. Kejayaan misi ini dapat dilihat daripada jumlah penganut Roman Katolik yang banyak daripada kalangan kaum Dayak di Kanowit dan dalam kawasan Bahagian Ketiga Sarawak (Cooper, 1968:72). Sehubungan dengan perkembangan agama Kristian yang kian subur di Sarawak, maka keadaan ini telah menarik minat aliran-aliran gereja lain untuk

bergerak di negeri tersebut. Berikutan dengan kemasukan para pendatang dari China pada awal abad ke-20, maka gerakan gereja Methodist turut merasa terpanggil untuk datang ke Sarawak.

Sebenarnya, gerakan-gerakan missionari ini merupakan satu masalah yang besar yang terpaksa dihadapi oleh ulama-ulama Sarawak kerana gerakan ini dilaksanakan dengan cukup berkesan dan mendapat kerjasama daripada pertubuhan Kristian antarabangsa. Sokongan dan galakan berterusan yang diberikan oleh Brooke juga menyebabkan gerakan ini berkembang dengan pesatnya. Para mubaligh Kristian telah berdakyah dengan aktif sehingga ke kawasan-kawasan pedalaman dengan memberikan pelbagai bentuk bantuan kemanusiaan. Di samping itu, faktor agama Kristian yang membenarkan pengekalan amalan dan adat istiadat pemujaan dewa-dewa dan memakan daging khinzir yang sudah sebatian dengan kehidupan penduduk peribumi Sarawak merupakan faktor yang paling dominan dalam perkembangan agama tersebut. Keadaan ini amat berlainan sekali apabila mereka memeluk Islam kerana mereka terpaksa meninggalkan beberapa perkara yang bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam.

Kesanggupan mubaligh-mubaligh Kristian untuk menjelajah kawasan-kawasan pedalaman dan hidup bersama-sama masyarakat tempatan juga mendorong kepada kejayaan gerakan missionari. Para mubaligh telah berusaha untuk memahami dan mempelajari adat-adat kaum bumiputera serta cuba untuk menguasai bahasa tempatan bagi memudahkan proses Kristianisasi (Sabihah Osman, 1990:91). Misalnya, MacDougall telah berjaya mengetengahkan unsur-unsur persamaan di antara agama Kristian dengan unsur-unsur yang terdapat dalam adat dan agama penduduk bumiputera bagi menarik minat mereka terhadap agama Kristian. Mubaligh-mubaligh Kristian juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan kemasyarakatan kepada para penduduk seperti perubatan dan sekolah percuma. Di samping itu, mereka turut melibatkan diri dalam sektor perekonomian penduduk tempatan dengan menyediakan khidmat nasihat pertanian seperti yang dilakukan oleh Father Edmund Dunn daripada mazhab Roman Katolik. Seperti yang sedia maklum, ekonomi penduduk bumiputera terutamanya golongan Dayak adalah dalam sektor pertanian dan peluang ini telah digunakan sebaik-baiknya oleh golongan mubaligh untuk menarik minat mereka terhadap agama Kristian.

Selain itu, perancangan yang bersistematik serta peruntukan dana dan sumbangan tenaga untuk gerakan missionari ini juga merupakan faktor yang menjadikan agama Kristian sebagai anutan terbesar penduduk bumiputera Sarawak. Seperkara lagi yang menyumbang ke arah perkembangan Kristian di Sarawak ialah sikap liberal para pemerintah Brooke terhadap agama Kristian meskipun mereka dilaporkan tidak aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan di gereja-gereja (Ghazali Basri, 1994:78 dan 86). Walaupun gerakan ini tidak berjaya meraih sokongan daripada orang Melayu, tetapi kemunculan gerakan ini benar-benar telah menggugat kedudukan Islam di Sarawak.

PENDIDIKAN ISLAM PADA ZAMAN *CROWN COLONY*

Perkembangan agama Kristian yang semakin rancak telah menimbulkan kebimbangan di kalangan tokoh-tokoh agama Islam tempatan. Para mubaligh Kristian dilaporkan bergerak cergas dalam penyebaran agama tersebut dengan mendirikan sekolah-sekolah untuk anak-anak tempatan. Sebagai contoh, usaha pertama telah dilakukan oleh Anglican Church dan diikuti oleh gereja Roman Katolik. Kedua-dua gerakan ini telah mendirikan sekolah-sekolah seperti St. Joseph (1883), St. Teresa, dan Convent (1885). Pada tahun 1900 pula, mubaligh Methodist telah menubuhkan sekolah-sekolah Methodist di penempatan-penempatan orang Cina berketurunan Foochow di Sibu (Hashim Fauzi Yaacob, 1983:46). Situasi ini telah mewujudkan satu sistem pendidikan yang bersifat sekular yang berlainan coraknya dengan sistem pendidikan orang-orang Melayu di Sarawak. Tujuan penubuhan sekolah-sekolah ini tidak lain tidak bukan adalah bagi mengembangkan agama Kristian sebagaimana yang diungkapkan oleh Holmes seperti berikut: “[...] *the policy of missionaries was to convert people to Christianity, and the school was one of conversion*” (in Taylor, 1983).

Fenomena ini telah mencetuskan tindak balas di kalangan ulama Islam tempatan. Mereka berusaha untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam yang lebih formal untuk masyarakat Islam di Sarawak (Sabihah Osman, 1990:46). Bukti jelas yang dapat dilihat ialah semasa zaman pemerintahan *Crown Colony* di Sarawak, para ulama begitu progresif dan prihatin dalam memelihara dan mempertahankan akidah umat Islam agar tidak dipengaruhi anasir-anasir luar yang boleh merosakkan dan memesongkan akidah. Mereka bertanggungjawab dalam membimbing masyarakat kepada kehidupan Islam yang sebenar dengan menggabungkan elemen kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Adalah dilaporkan bahawa sebelum kedatangan Brooke lagi, orang-orang Melayu dikatakan telah pun mempunyai satu sistem pendidikan yang tersendiri berlandaskan agama Islam. Buktinya, pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei sudah wujud institusi-institusi pendidikan Islam, meskipun dalam bentuk yang tidak formal.⁷

Menurut laporan sejarah, sekolah Melayu pertama di Sarawak telah dikesan kewujudannya pada tahun 1861 yang dinamakan sebagai Sekolah Encik Boyang.⁸ Menyentuh tentang sekolah ini, Charles Brooke sendiri

⁷Pada masa tersebut, pendidikan agama Islam disampaikan di masjid, surau, dan rumah-rumah tokoh agama tempatan. Di Sarawak, pemerintahan Kesultanan Brunei diwakilkan kepada sharif-sharif berketurunan Arab. Kedudukan istimewa yang mereka perolehi bukan sahaja kerana kebolehan dalam bidang pentadbiran, tetapi juga kerana pengetahuan Islam yang mereka miliki. Antara sharif yang memerintah ialah Sharif Sahab di Sadong, Sharif Jaafar di Lingga, Sharif Mular di Skrang, Sharif Masahor di Sarikei, dan Sharif Maulana di Kalaka. Saribas pula diperintah oleh pembesar Melayu, manakala Mukah, Oya, dan Bintulu diperintah oleh pangiran-pangiran dari Brunei. Adalah dipercayai bahawa merekalah yang banyak memainkan peranan dalam mengislamkan penduduk Sarawak dan mendidik tentang ajaran Islam yang sebenar.

⁸Nama sekolah ini diambil bersempena nama pengasasnya iaitu Encik Boyang, seorang guru bahasa Melayu yang berasal dari Sumatera. Beliau pernah bertugas sebagai penterjemah di mahkamah semasa pemerintahan James Brooke.

pernah menjelaskan bahawa terdapat sebuah sekolah yang dinamakan *Mecca School* pada tahun 1861. Pelajaran yang diajar adalah berbentuk keagamaan, terutamanya membaca al-Quran, menulis Jawi, dan juga ilmu kira-kira yang mudah (Sabihah Osman, 1990:47). Walau bagaimanapun, sekolah ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu sehingga menyebabkan ia tersebut terpaksa ditutup.

Sehingga tahun 1877, kelihatannya pendidikan di Sarawak dikuasai oleh badan dakwah Kristian. Oleh itu, situasi ini menyebabkan timbulnya desakan daripada golongan tertentu untuk mewujudkan semula institusi pendidikan untuk masyarakat Melayu. Tambahan pula, pada masa tersebut, jumlah penduduk Melayu yang berhijrah ke Kuching semakin bertambah. Oleh yang demikian, pada tahun 1883, sebuah lagi sekolah formal yang diberi nama Sekolah Kampung Jawa telah didirikan oleh masyarakat Islam di Kuching. Antara individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar di sekolah tersebut ialah Encik Sawal yang berasal dari Minangkabau dan menetap di Sarawak (Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail, 2003). Di sekolah ini diajar mata pelajaran agama, membaca dan menulis, asas ilmu kira-kira, ilmu alam, dan ilmu sejarah.

Sehubungan dengan itu, untuk memenuhi keperluan semasa, mata pelajaran bahasa Inggeris telah dijadikan mata pelajaran tambahan. Bahasa Inggeris mula diajar 3 kali seminggu oleh seorang guru yang bernama John Lewis yang didatangkan dari sekolah *Society for the Propagation of Gospel* atau SPG (Sabihah Osman, 1990:49). Pada tahun 1893 pula, sekolah Kampung Gersik telah ditubuhkan untuk menampung sambutan orang ramai terhadap Sekolah Kampung Jawa. Sekolah ini dibuka oleh Encik Bakar iaitu anak kepada Encik Boyang. Mata pelajaran yang diajar di sekolah ini juga sama dengan mata pelajaran yang diajar di Sekolah Kampung Jawa.

Encik Sawal dan Encik Bakar merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mendidik masyarakat Islam di Sarawak. Di samping mengajar subjek-subjek yang berbentuk sekular, mereka juga tidak memisahkan mata pelajaran agama. Kolaborasi di antara kedua-dua bentuk pendidikan ini bertujuan untuk melahirkan individu Muslim yang menguasai dua bentuk pendidikan ini. Tambahan pula, untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan, disyaratkan bagi seseorang itu menguasai pendidikan sekular. Kedua-dua tokoh ini dihormati oleh masyarakat Islam Sarawak dan mereka menjadi tempat rujukan bagi masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah tersebut tidak kekal lama kerana mendapat tentangan daripada pihak penjajah (Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail, 2003:528).

Kemudiannya, pada tahun 1899, sebuah sekolah iaitu *The School for the Study of Mohamedon Theology* telah didirikan di Sibul untuk memberi pendidikan yang berkaitan dengan teologi Islam. Sekolah ini menawarkan mata pelajaran seperti membaca, menulis, mengkaji al-Quran, ilmu kira-kira, dan tulisan Jawi (Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail, 2003:527). Walau bagaimanapun,

tidak begitu banyak maklumat yang diperoleh mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh sekolah ini.

Selanjutnya, pada tahun 1917, sebuah institusi pengajian Islam yang diberi nama *Madrasah al-Murshidiyah* telah didirikan oleh Datu Hakim Imam Abang Hj. Murshidi⁹ (Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail, 2003:527). Adalah dilaporkan bahawa masyarakat India Muslim juga telah memainkan peranan penting dalam penubuhan madrasah ini. Menurut Abdul Rahman Deen (1988:4): “*Though the Indian Muslims who came here (Sarawak) were not religious scholars, they nevertheless had strong faith and zeal to work for the propagation of Muslim*”. Menerusi Badan Amanah Masjid India, mereka telah membantu menubuhkan madrasah ini. Penubuhan madrasah ini telah berjaya melahirkan beberapa orang tokoh ulama Sarawak yang terkenal seperti bekas Mufti Sarawak, Datuk Abdul Kadir, Datuk Ustaz Anis Abot, dan Ustaz Awang Pon (Suffian Mansor, 2003:560).

Pelajaran yang diberikan di madrasah tersebut hanyalah setakat darjah 2 atau 3 mengikut sukatan pelajaran Madrasah Al-Junaid,¹⁰ Singapura yang menjadi *parents school* kepada mereka yang berhasrat melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Kedudukan Madrasah Al-Junaid pada ketika itu bolehlah dianggap sebagai sebuah institusi pendidikan Islam yang mempunyai reputasi tinggi di kalangan penduduk Islam di Nusantara. Di samping itu, terdapat juga lulusan Madrasah Al-Junaid yang diberi peluang untuk mengajar dan memberi khidmat di Madrasah Islamiah. Tenaga pengajar ini terdiri daripada kalangan mereka yang lulus dari Madrasah Al-Junaid atau kalangan guru yang mengambil peluang semasa bercuti. Mereka memberi khidmat secara percuma dan kadang kala sekadar diberi suguhati (Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal & Jaffary Awang, 2003:132).

Pada peringkat awal penubuhan, *Madrasah al-Murshidiyyah* menghadapi masalah untuk mendapatkan tenaga pengajar dan pelajar. Hanya ibubapa yang mempunyai kesedaran agama yang tinggi sahaja yang menghantar anak-anak mereka untuk belajar di madrasah ini. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak berpanjangan apabila timbul kesedaran di kalangan masyarakat Islam tentang peri pentingnya pendidikan agama untuk anak-anak mereka. Tambahan pula, pada masa tersebut cetusan pemikiran yang ditonjolkan dalam akhbar *Fajar Sarawak* yang mengkritik masyarakat Melayu yang mengabaikan pendidikan

⁹Nama sebenar beliau ialah Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi bin Abang Haji Nuruddin bin Datuk Bandar Bolhasan. Nama ibunya ialah Dayang Aisyah binti Abang Pata bin Temenggung Marsal. Almarhum dilahirkan pada tahun 1294 H/1877 M di bandar Kuching, iaitu berdekatan dengan Masjid India, Jalan Gambir, Kuching.

¹⁰Madrasah ini telah ditubuhkan di Singapura secara rasminya pada tahun 1927 di Victoria Street. Walau bagaimanapun, terdapat juga pendapat lain yang mengatakan bahawa ia telah wujud sekitar tahun 1917. Madrasah ini berperanan untuk memberikan pendidikan agama dan bahasa Arab, khususnya kepada masyarakat Islam di Singapura tetapi juga menerima pelajar-pelajar lain dari rantau Nusantara. Madrasah ini diasaskan penubuhannya oleh suku Arab Al-Junaid yang berhijrah ke Singapura dan pengetua pertama yang dilantik untuk menerajui pentadbiran sekolah ini ialah Syed Abu Bakar b. Taha b. Abdul Kadir al-Saqqaf (1927-1951).

Islam telah membuka semula mata mereka untuk memberi perhatian dalam pendidikan agama.

Tidak lama selepas kemunculannya, nama madrasah ini telah ditukar kepada *Madrasah al-Islamiyyah* di atas kehendak dan persetujuan daripada Datu Hakim Imam Abang Hj. Murshidi sendiri. Dari sudut peranannya, di samping memberikan pendidikan agama, madrasah ini turut menjadi tempat persediaan awal para pelajar untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi, sama ada ke Singapura dan Timur Tengah mahupun Semenanjung Tanah Melayu. Tidak dinafikan bahawa madrasah ini merupakan institusi pendidikan Islam peringkat awal di Kuching yang telah berjaya melahirkan ramai tokoh ulama Sarawak yang akhirnya turut berjasa dalam pendidikan dan pentadbiran Islam di Sarawak (Juanda Jaya, 2003).

Selain madrasah tersebut, Datu Hakim Imam Hj. Murshidi juga telah mengasaskan Sekolah Kajang Wanita yang bertujuan memberi pendidikan Islam kepada kaum wanita agar mereka tidak ketinggalan dalam bidang pelajaran. Pembinaan Sekolah Kajang Wanita ini merupakan hasil kerjasama Datu Hakim Imam Abang Hj. Murshidi dan beberapa tokoh agama tempatan lain seperti Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah dan Hj. Abang Bolhasan b. Hj. Daud (Ismail Ab Rahman ed., 1992). Pembinaan sekolah untuk kaum wanita ini jelas menunjukkan betapa progresifnya pemikiran beliau dalam menentukan arus intelektualisme Islam supaya pendidikan di kalangan kaum wanita seiring dengan kaum lelaki (Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail, 2003:529). Sekolah Kajang Wanita ini kemudiannya telah menjadi batu loncatan kepada pembinaan Sekolah Permaisuri pada tahun 1930 (Suffian Mansor, 2003:561).

Berdasarkan keterangan di atas adalah jelaslah bahawa umat Islam di Sarawak menyedari tentang keperluan untuk mempertahankan dan memperkukuhkan identiti dan jati diri Islam mereka melalui proses pendidikan. Pendidikan agama yang sistematik dan berterusan merupakan senjata yang paling ampuh untuk mempertahankan akidah dan pegangan mereka terhadap Islam. Walau bagaimanapun, satu kerugian yang amat besar bagi masyarakat Islam pada zaman pemerintahan *Crown Colony* ini ialah dakwah Islam terhadap golongan peribumi seakan-akan terhenti dan tidak serancak proses dakwah yang berlaku pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei.

KESIMPULAN

Ketidakstabilan politik yang berlaku di Sarawak telah membawa kepada campurtangan James Brooke di Bumi Kenyalang tersebut. Kedudukan beliau semakin kukuh berikutan perlantikannya sebagai Gabenor, ditambah pula dengan kejayaannya melemahkan pengaruh pemimpin Melayu dan keberhasilannya menumpaskan penentangan serta pemberontakan yang berlaku di negeri itu. Secara perlahan-lahan, Brooke mencampuri urusan agama Islam tempatan melalui pembentukan undang-undang yang berkaitan dengan masyarakat Islam. Ini termasuklah mewujudkan jawatan dan institusi tertentu

bagi memudahkan mereka mengawasi serta mengatur pergerakan masyarakat Islam. Kedatangan kuasa Eropah ini juga membawa unsur-unsur budaya Barat yang negatif yang akhirnya mempengaruhi sesetengah masyarakat Islam tempatan. Keadaan ini telah mendapat reaksi daripada sebilangan tokoh di Sarawak di mana telah muncul akhbar *Fajar Sarawak* dan Persatuan Melayu Sarawak yang cuba menyedarkan masyarakat Islam tentang hal tersebut.

Aktiviti-aktiviti Missionari juga semakin berkembang di Sarawak berikutan sokongan dan pembiayaan kewangan yang diberikan oleh pihak berkuasa ketika itu. Faktor utama yang mendorong James Brooke untuk menggalakkan kemasukan kumpulan Missionari ke Sarawak adalah berkait rapat dengan agenda beliau untuk memantapkan pengaruh politiknya yang masih digugat oleh pembesar Melayu tempatan dan pemimpin masyarakat peribumi ketika itu, di samping menyebarkan agama Kristian. Kesan dari keadaan ini muncullah sekolah-sekolah sekular yang berorientasikan pendekatan Kristianisasi di Sarawak. Dengan kemahiran dan kelebihan yang ada pada para mubaligh, sekolah-sekolah seperti ini berkembang di kalangan masyarakat peribumi. Suasana ini telah mencetuskan tindak balas di kalangan ulama tempatan. Mereka berusaha untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam yang lebih formal untuk masyarakat Islam di Sarawak. Dengan itu muncullah sama ada sekolah-sekolah agama yang menekankan pengajian keagamaan Islam mahupun sekolah biasa yang turut menggabungkan ilmu-ilmu sekular kerana kehendak dan keperluan semasa. _

Bibliografi

- Bilcher Bala. (1993/1994). "Sidang Injil Borneo (SIB): Sejarah dan Peranannya dalam Penyebaran Agama Kristian di Kalangan Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang di Sarawak". *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Bangi: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coolin, N. Criswell. (1978). *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Surveyed*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cooper, A.M. (1968). *Men of Sarawak*. London: Oxford University Press.
- David, M.D. (1985). *Asia and Christianity*. Madras: MPH.
- Deen, Abdul Rahman. (1988). "The Coming of Indian Muslim Merchants to Sarawak". *Kertas kerja* dibenteng dalam Seminar Warisan Kebudayaan India Sarawak, di Kuching.
- Dona Babel. (1989). "Undang-Undang Adat: Melayu Islam Sarawak" dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol.XL, No.61. Part 1. Sarawak: Sarawak Museum.
- Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal & Jaffary Awang. (2003). "Peranan Pendidikan Islam dalam Pembentukan Budaya Masyarakat Islam di Kuching" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.123-135.

- Ghazali Basri. (1994). *Kristianisasi sebagai sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Habid's Buhigiba Md Bustamam. (1995). "Perkembangan Islam di Sarawak, 1941-1991". *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Bangi: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hashim Fauzi Yaacob. (1983). "Kedudukan Melayu Sarawak Zaman Crown Colony, 1946-1963". *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Bangi: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Ismail Ab Rahman [ed]. (1992). *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Juanda Jaya. (2003). "Dakwah Islamiah di Sarawak: Kajian terhadap Pengurusan Dakwah secara Berorganisasi". *Tesis Dr. Falsafah Tidak Diterbitkan*. Bangi: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Lee Thomas, Philip. (1984). *Fajar Sarawak*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lockard, Craig Allan. (1973). *The Southeast Asian Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching*. Madison: University of Wisconsin.
- Low, Hugh. (1948). *Sarawak: Its Inhabitants and Production being Notes during a Residence in that Country with H.H. the Rajah Brooke*. London: Frank Cass and Company Limited.
- Md Amin Abdul Rahman. (2003). "Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak Sebelum Merdeka" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.434-447.
- Mohd Zamro Muda & Zuliza Mohd Kusrin. (2003). "Kemasukan dan Pemakaian Undang-Undang Inggeris di Sabah dan Sarawak: Kesannya terhadap Undang-Undang Islam dan Adat" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.504-522.
- Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail. (2003). "Peranan Ulama Sarawak dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Sarawak" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.523-533.
- Nothcoff, Michael S. (1992). "Two Hundred Years of Anglican Mission" dalam Robert Hunt [ed]. *Christianity in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Panel Penyelidik Fakulti Pengajian Islam. (1988). *Islam dan Peranan Ulama-ulama Sarawak*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Payne, Robert. (1960). *The White Rajahs of Sarawak*. London: Robert Hale Ltd.
- Payne, Robert. (1991). *The White Rajahs of Sarawak*. Singapore: Oxford University Press.
- Putit Matzen. (2003). "Perkembangan Islam di Sarawak dan Majlis Islam Sarawak" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.720-733.
- Raslie Saharan. (1988). "Peranan Ulama dalam Sejarah dan Kehidupan Masyarakat Sarawak" dalam *Islam dan Peranan Ulama-ulama Sarawak*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Rooney, John. (1981). *Khabar Gembira: A History of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei, 1880-1976*. London: Burns and Oates Ltd.
- Sabihah Osman. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanib Said. (1985). *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Sanib Said. (t.th.). *Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas, 1476-1941*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Sarawak Gazette*, 2 Disember 1935.

- Suffian Mansor. (2003). "Cabaran Perkemabangan Islam di Sarawak Zaman Pemerintahan Keluarga Brooke: Satu Kajian Umum" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.556-564.
- Taylor, Brian. (1983). *The Anglican Church in Borneo, 1848-1962*. Sussex: New horizon & Treasaurus Ltd.
- Zaini Nasohah. (2003). "Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang untuk Orang Islam di Negeri Sarawak, 1893-2003" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.610-620.
- Zulkiple Abdul Ghani & Juanda Jaya. (2003). "Peranan Tokoh Agama dalam Mengorganisasikan Dakwah di Sarawak Sebelum Merdeka" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], ms.634-654.



Secara perlahan-lahan, keluarga Brooke mencampuri urusan agama Islam tempatan melalui pembentukan undang-undang yang berkaitan dengan masyarakat Islam. Ini termasuklah mewujudkan jawatan dan institusi tertentu bagi memudahkan mereka mengawasi serta mengatur pergerakan masyarakat Islam.